

**PROFIL KOMPETENSI
PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PRASEKOLAH) N19
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

KATEGORI KOMPETENSI	PENYATAAN KOMPETENSI UTAMA	ELEMEN PENGUPAYAAN
<p>1. Pengurusan Pentadbiran Kelas Prasekolah</p>	<p>Berupaya membantu guru mengurus kelas prasekolah dengan baik dan sempurna berpandukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2003 (Skim Perkhidmatan Pembantu Pengurusan Murid).</p>	<p>Mempunyai pengetahuan dalam perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 tahun 2003 (Skim Perkhidmatan Pembantu Pengurusan Murid); ii. Arahan Perbendaharaan yang berkaitan; iii. Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan; iv. rekod pendaftaran murid; v. daftar kehadiran harian murid prasekolah; vi. tatacara mengendali aset alih kerajaan; vii. inventori peralatan dan bahan di dalam kelas prasekolah; viii. urusan surat menyurat; ix. rekod pembelian bahan peralatan prasekolah; x. Rekod Daftar Bekalan Prasekolah; xi. Rekod Pergerakan Harta Modal; xii. tatacara kemas kini data dan maklumat murid prasekolah; xiii. program khas; dan xiv. rekod kewangan.

KATEGORI KOMPETENSI	PENYATAAN KOMPETENSI UTAMA	ELEMEN PENGUPAYAAN
		<p>Mempunyai kemahiran dalam perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. merekod kehadiran murid prasekolah setiap hari; ii. melaksanakan pengurusan inventori peralatan dan bahan di dalam kelas prasekolah; iii. merekod Daftar Bekalan Prasekolah; iv. merekod Pergerakan Harta Modal; v. merekod penerimaan dan agihan surat; vi. merekod pembelian bahan dan peralatan prasekolah; vii. mengemas kini data dan maklumat murid prasekolah; viii. mengurus pendaftaran murid prasekolah; dan ix. menyediakan laporan perbelanjaan bulanan prasekolah. <p>Mengamalkan nilai berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. jujur; ii. amanah; dan iii. bertanggungjawab.
2. Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Murid Prasekolah	Berupaya membantu guru prasekolah dalam pengurusan PdP bagi memastikan pembelajaran murid menyeronokkan.	<p>Mempunyai pengetahuan dalam perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 tahun 2003 (Skim Perkhidmatan Pembantu Pengurusan Murid); ii. bimbingan dan asuhan murid prasekolah; iii. suasana pembelajaran yang kondusif; iv. motivasi belajar murid prasekolah; v. bahan bantu mengajar;

KATEGORI KOMPETENSI	PENYATAAN KOMPETENSI UTAMA	ELEMEN PENGUPAYAAN
		<ul style="list-style-type: none"> vi. tatacara kawalan keselamatan kesihatan dan keselesaan murid; vii. aktiviti PdP; viii. kaedah pengurusan prasekolah; dan ix. Modul Tugas Pembantu Pengurusan Murid. <hr/> <p>Mempunyai kemahiran dalam perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. membantu guru merancang aktiviti bimbingan dan asuhan; ii. membantu guru mewujudkan suasana selesa, selamat dan menggembirakan; iii. membantu guru merangsang dan meningkatkan motivasi murid prasekolah supaya bersedia untuk belajar; iv. membantu guru menyediakan bahan dan peralatan yang sesuai dengan keperluan, kesediaan dan perkembangan murid prasekolah; v. membantu guru mengawasi dan menjaga keselamatan, kesihatan dan keselesaan murid dalam dan luar kawasan sekolah; vi. memberi bantuan kepada murid dan mendampingi mereka semasa menjalankan aktiviti harian di sekolah supaya mereka dapat melibatkan diri secara aktif; dan vii. membantu guru prasekolah dalam penyediaan PdP. <hr/> <p>Mengamalkan nilai berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. adil;

KATEGORI KOMPETENSI	PENYATAAN KOMPETENSI UTAMA	ELEMEN PENGUPAYAAN
		<ul style="list-style-type: none"> ii. prihatin; dan iii. komited.
<p>3. Pengurusan Penyediaan Makanan</p>	<p>Berupaya menyediakan menu dan menyajikan sajian makanan seimbang sesuai dengan tahap pertumbuhan murid.</p>	<p>Mempunyai pengetahuan dalam perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. penyediaan dan hidangan makanan dan minuman yang bersih dan berkhasiat; ii. penjagaan kebersihan dan kekemasan perkakasan dapur yang sempurna; iii. penyediaan dan kekemasan perkakasan dapur yang sempurna; iv. penyediaan dan kekemasan ruang makan murid prasekolah; dan v. penyusunan peralatan mengikut keperluan semasa. <p>Mempunyai kemahiran dalam perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. merancang menu harian; ii. membuat pesanan pembelian bekalan makanan; iii. menyedia dan menghidang makanan dan minuman yang bersih, seimbang dan berkhasiat; iv. mengemas dan membersihkan perkakas seperti pinggan, piring, cawan, peralatan dapur, peti ais dan sebagainya; v. menyedia dan mengemas bilik darjah sebelum dan selepas kelas; vi. menjaga keselamatan bilik darjah; dan vii. menyusun atur kerusi dan meja. <p>Mengamalkan nilai berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. teliti;

KATEGORI KOMPETENSI	PENYATAAN KOMPETENSI UTAMA	ELEMEN PENGUPAYAAN
		<ul style="list-style-type: none"> ii. bersih; iii. cekap; dan iv. kemas.
4. Pengurusan Hal Ehwal Murid Prasekolah	Berupaya membantu guru mengurus hal ehwal murid prasekolah bagi memastikan murid prasekolah terurus dan selamat.	<p>Mempunyai pengetahuan dalam perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. tingkah laku murid prasekolah; ii. kebersihan, keselamatan dan kebajikan murid prasekolah; iii. keceriaan di dalam dan luar kelas prasekolah; iv. tatacara menyambut kedatangan murid; v. tatacara keluar masuk murid ke kelas prasekolah; vi. kebersihan, keselamatan dan keceriaan di dalam dan di luar kelas prasekolah; vii. tatacara pengawasan murid semasa ketiadaan guru; dan viii. psikologi murid. <p>Mempunyai kemahiran dalam dalam perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. melayani karenah murid prasekolah dan memastikan murid sentiasa berkeadaan bersih; ii. menyambut kedatangan murid dan memastikan murid keluar dari kelas dalam keadaan selamat; iii. membantu murid ke tandas sekiranya perlu; iv. memantau kesihatan dan kebersihan murid; v. membantu guru menjaga keselamatan alatan dan kemudahan prasekolah di dalam dan luar kelas; dan vi. membantu mengawasi murid semasa ketiadaan guru. <p>Mengamalkan nilai berikut:</p>

KATEGORI KOMPETENSI	PENYATAAN KOMPETENSI UTAMA	ELEMEN PENGUPAYAAN
		i. adil; ii. sabar; iii. prihatin; dan iv. penyayang.